

31/03/2002

Artis mesti di depan (HL)

Zainudin Isa; Anwar Patho Rohman; Rohaniza Idris

BENTONG: Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin mahu penyanyi dan syarikat rakaman lebih proaktif dan berada di barisan hadapan bagi membantu kerajaan membanteras kegiatan cetak rompak yang kian berleluasa sekarang.

"Sekarang ini, kita (kerajaan) di depan, mereka di belakang. Mereka pernah kata mahu adakan kempen dan `roadshow' (jelajah) seluruh negara, tapi apa sudah jadi...apa yang sudah mereka buat dengan usaha itu. Sepatutnya ia perlu dibuat secara bersepadu," katanya.

Beliau berkata, penyanyi boleh mendapatkan khidmat ejen perisik dan pengintipnya sendiri. Jika berlaku sebarang keadaan tidak diinginkan seperti diugut, pengintip persendirian boleh mendapatkan pertolongan pihak berkuasa.

"Sebenarnya kerajaan tidak berdiam diri. Kita sudah mengambil banyak pendekatan dan bagi pengusaha muzik dan penyanyi, apa yang dapat kita cadangkan ialah mereka bergerak di hadapan," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Sukan Sekolah Rendah Kebangsaan Felda Mempaga Dua, dekat sini semalam.

Di Kuala Lumpur, Timbalannya, Datuk S Subramaniam berkata, perbezaan harga yang begitu ketara antara kaset, cakera padat (CD) dan cakera padat video (VCD) yang asli dan tiruan mendorong pengguna lebih gemar membeli album artis Melayu yang dicetak rompak.

Berdasarkan kajian, kaset, CD dan VCD milik penyanyi Cina dan India tidak mengalami masalah cetak rompak kerana perbezaan harganya tidak banyak dengan barang cetak rompak.

Katanya, album artis Melayu tempatan dan penyanyi antarabangsa menjadi sasaran cetak rompak kerana perbezaan harganya begitu ketara selain artis berkenaan lebih popular berbanding artis Cina dan India tempatan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan syarikat rakaman menurunkan harga kaset, CD dan VCD sebagai usaha membantu kerajaan membanteras kegiatan cetak rompak.

"Harga kaset album artis Cina dan India tempatan biasanya dijual sekitar RM10 hingga RM12 manakala artis Melayu tempatan dan luar negara dijual pada harga antara RM14.90 hingga RM19.90 dan kaset cetak rompak pula dijual dengan harga RM5 hingga RM8.

"Perbezaan yang ketara itu menyebabkan pengguna membeli barang cetak rompak. Saya percaya penurunan harga kaset, CD dan VCD akan dapat mengalihkan perhatian pengguna untuk membeli kaset, CD dan VCD yang tulen," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Seminar Pendidikan Pengguna di sini, semalam.

Muhyiddin dan Subramaniam diminta mengulas rintihan penyanyi popular, Siti Nurhaliza Taruddin, Khamis lalu yang merayu campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai usaha terakhirnya membanteras kegiatan cetak rompak yang didakwa semakin berleluasa.

Kelmarin, Dr Mahathir menyahut rayuan Siti Nurhaliza itu dan berjanji mencuba sedaya upaya membantu masalah yang menimpa industri muzik negara sekarang.

Muhyiddin berkata, sebagai penyanyi, Siti Nurhaliza seperti juga penerbit, pengubah dan semua yang terbabit dalam industri muzik mempunyai hak mengambil tindakan undang-undang terhadap penjenayah cetak rompak.

"Akta Hak Cipta jelas memberikan mereka hak untuk mengambil tindakan undang-undang. Mereka yang terbabit, penyanyi syarikat rakaman, penggubah,

penerbit semuanya ada hak.

"Seperti Datuk Yusof Haslam, dia pernah rampas cetak rompak filem yang diterbitkan kerana itu hak dia dan kita (kerajaan) boleh sokong.

"Tapi, sekarang ini kita di depan, mereka di belakang. Mereka pernah kata nak adakan kempen dan `roadshow' (jelajah) seluruh negara, tapi apa yang mereka sudah buat dengan usaha itu. Sepatutnya ia perlu dibuat secara bersepadu," katanya.

Muhyiddin berkata, usaha kerajaan mengatasi masalah lanun cetak rompak selama ini tidak harus dipertikaikan kerana ia usaha luar biasa yang dilakukan tanpa henti berbanding negara lain.

Katanya, jika dinilai tahap pencapaian Malaysia ke arah cetak rompak sifar, kedudukan negara mencapai 40 peratus, berbanding peratusan idealnya 20 peratus.

Mengenai pembabitan orang dalam industri muzik sendiri sebagai dalang cetak rompak, beliau berkata, selama ini dakwaan seperti itu bersifat kenyataan rambang tanpa ada bukti kukuh.

Katanya pihak berkuasa menawarkan hadiah sehingga RM20,000 kepada sesiapa yang memberi maklumat sehingga tertangkapnya mereka yang terbabit dalam kegiatan cetak rompak.

"Setakat ini, belum ada yang menerimanya kerana meskipun ada aduan dan maklumat, ia tidak tepat untuk kita ambil tindakan." katanya.

(END)